

MAJALAH
DALAM KELAS
SEJAK TAHUN
1988

dewan

ديوان سيسيوا

SISWA

WADAH PELAJAR MENENGAH DAN REMAJA



PEMENANG
HADIAH SASTERA
PERDANA MALAYSIA
DAN TUNAS CIPITA
2015/2016

**PATRIOTISME
DALAM PRINSIP
KESOPANAN DAN
KESUSILAAN**

BIL. 8 2018

Semenanjung Malaysia	: RM3.50
Sabah/Sarawak	: RM4.00
Brunei Darussalam	: B\$3.10
Singapura	: S\$3.10

KK 001-90640-0818
ISSN 0126-849X



9 770126 849289

**BUDI BAHASA
BUDAYA KITA**

**SAYANGI
MALAYSIAKU**



KETUA EDITOR

Fauzilahyati Mustafa
(fauzilah@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Nurul Julia Alani Henry
(nurjulia@dbp.gov.my)

EDITOR KANAN

Marsilawati Mohamad Rani
(marsila@dbp.gov.my)

EDITOR

Muhammad Lutfi Zahid
(lutfi@dbp.gov.my)

TIMBALAN EDITOR

Norsuhaila Ibrahim
(suhaila@dbp.gov.my)

PEGAWAI PROMOSI DAN PENGIKLAMAN

Nur Shamiera Zahid
(shamiera@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN

Fauziah Yusof, Zaidi Mohd Salleh, Hadiah Idris, Mohd. Hafiz
Shaharuddin, Nermiza Awaluddin, Mohd. Bakhtier Samat

KETUA PENGARAH

Datuk Haji Abdul Adzis Abas

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)

Datuk Haji Abang Sallehuddin Abg. Shokeran

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

Kamarul Zaman Shaharudin

PENGARAH PENERBITAN

Haji Abd. Khalik Sulaman

URUSAN LANGGANAN

Bahagian Pemasaran dan Pengeedaran,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Jalan AU3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang.
Telefon: 03-4101 0033
Faks: 03-41012019
E-mel: pp@dbp.gov.my
<http://www.facebook.com/DBPNiaga>
<http://niaga.dbp.my>



REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN
Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.

DICETAK OLEH

Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.
No. 12, Jalan 4/118C, Desa Tun Razak, 56000, Kuala Lumpur.
www.percetakanhajijantan.com.my
E-mel: phjantan@yahoo.com



06 FOKUS

Budi Bahasa Budaya Kita

10 FOKUS

Patriotisme dalam Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan

14 CERPEN DARIPADA SISWA

Dua Lapan Enam

19 ULASAN CERPEN

Mukjizat Al-Quran dalam Cerpen

20 CERPEN UNTUK SISWA

Pinggian Jangan Retak

26 RAKAMAN PENGEMBARA

Kembara Ilmu di London

30 DARIPADA ARKIB NEGARA

Draf Rancangan Pembangunan Malaya

36 FORUM KANDUNGAN

Menangani Jaguh Siber

38 SEKITAR SISWA

Alumni UIAM Menabur Bakti
SK Bukit Kateri dan SMK Derma Juaraai Pertandingan Sahibba
Peringkat Negeri Perlis 2018
Alumni KMJ Anjur Program Motivasi Pelajar
PEERs Travelogue Asia Erat Hubungan Mahasiswa Malaysia
dan Brunei

PATRIOTISME DALAM PRINSIP KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Oleh Suhaizi Suhaimi

KETIKA 61 tahun yang lalu, laungan “Merdeka!” penuh bangga dan semangat oleh setiap warga yang melafazkannya boleh didefinisikan sebagai lambang kebebasan yang tiada tolok bandingnya. Walaupun rata-rata rakyat ketika itu mengetahui dan memahami bahawa cengkaman penjajah itu bukanlah “dileraikan” sepenuhnya, tersekat di dalam dada masing-masing yang dipijak bukan lagi milik bangsa asing. Tidak kira kaum, warna kulit, muda atau tua, laungan keramat itu benar-benar menyatupadukan hati dan sanubari warganya.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1969, definisi “Merdeka!” yang difahami umum sebelumnya, seakan ditoreh dan disiat-siat untuk dijadikan “makanan” buat perosak negara bangsa dalam satu kejadian rusuhan kaum. Peristiwa hitam yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu, menyaksikan pertumpahan darah serta menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara. Bertitik tolak daripada peristiwa ini, kerajaan mengambil langkah tegas untuk mencari formula bagi mengatasi masalah

tersebut daripada berulang lagi.

Lantaran itu, Majlis Perundangan Negara telah ditubuhkan oleh Pengarah MAGERAN di bawah Undang-undang Darurat yang diwartakan pada 29 Januari 1970. Anggota Majlis Perundangan Negara tersebut terdiri daripada seorang Pengerusi, iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein merangkap Pengarah MAGERAN, tiga orang menteri, iaitu Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato’ Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan Tun V.T Sambanthan, wakil kerajaan negeri dan wakil daripada parti politik. Tidak dilupakan juga, wakil daripada tokoh agama, badan profesional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru-guru dan wakil kumpulan-kumpulan kecil yang turut bersatu padu bagi mengekang fenomena ini daripada terus meranapkan perpaduan sesama rakyat. Setelah berbincang dan mengkaji secara mendalam selama beberapa bulan, Majlis Perundingan Negara telah merumuskan bahawa gagasan yang mampu mengatasi titik pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Berdasarkan keputusan tersebut, maka lahirlah Rukun Negara



yang telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-4 pada 31 Ogos 1970, iaitu bersempena dengan sambutan Kemerdekaan Malaysia ke-13.

Pada tahun 2017, satu sidang meja bulat anjuran Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) bertajuk "Rukun Negara Dijadikan Mukadimah Perlembagaan Negara" telah diadakan yang disertai oleh beberapa orang tokoh. Sidang yang dipengerusikan oleh Ahli Dewan Tertinggi Perkasa, Azmi Rais, dianjurkan bertujuan untuk meletakkan Rukun Negara sebagai tumpuan utama pelaksanaan Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, salah seorang ahli panel yang dijemput, iaitu Tan Sri Dr. Rais Yatim, menegaskan bahawa Rukun Negara yang digubal bagi tujuan perpaduan kaum boleh diperkemas melalui Akta Khas Rukun Negara, tanpa perlu dijadikan Mukadimah Perlembagaan Negara. Tambahan pula, Perlembagaan Persekutuan sudah pun menjadi asas perundangan negara ini sejak sekian lama. Oleh sebab itu, dapat

difahami bahawa kedudukan Rukun Negara perlu diperkemas dan bersifat penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, penghayatan rakyat Malaysia terhadap lima prinsip dan falsafah yang terkandung dalam Rukun Negara sangat mengecewakan. Lebih membimbangkan lagi, kajian mendapati bahawa hampir 90 peratus rakyat negara ini hanya tahu melafazkannya, tetapi tidak tertanam di dalam hati.

Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa Rukun Negara amat diperlukan sebagai "kawalan" bagi membendung usaha memanipulasi isu perpaduan dan perkauman yang dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Kelahiran prinsip Rukun Negara ini juga menyemarakkan lagi semangat patriotik yang menjadi "sumbu" perpaduan rakyat Malaysia. Patriotisme dapat dijelaskan sebagai semangat dan jiwa yang cinta akan tanah air. Hal ini menjadikan rakyat di sesebuah negara itu sentiasa menyayangi

tanah air, tempat tumpahnya darah dan air mata perjuangan nenek moyang kita yang terdahulu. Makna patriotisme sering berubah-ubah seiring dengan perkembangan zaman serta keperluan negara. Sebelum mencapai kemerdekaan, sikap patriotisme terbit daripada perasaan kekitaan, setia kawan dan kebersamaan dalam perjuangan menegakkan kemerdekaan bangsa. Setelah mencapai kemerdekaan, sikap patriotisme diterjemahkan pula sebagai satu sikap yang harus dimiliki oleh sesebuah bangsa dalam kehidupan bernegara.

Sesungguhnya, patriotisme dan prinsip Rukun Negara tidak dapat dipisahkan. Kelima-lima prinsip tersebut menjadi pegangan setiap rakyat yang bernaung di bawah panji Jalur Gemilang. Hal tersebutlah yang meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan warganegara. Prinsip kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta kesopanan dan kesusilaan menjadi tonggak berkobarnya patriotisme yang dilau-laungkan kepada umum selama ini. Gabungan patriotisme dan Rukun Negara ini mesti diupayakan bagi mewujudkan semangat kekitaan dan akhirnya dapat melahirkan nilai dan budi pekerti yang luhur dalam setiap jiwa yang menghuni bumi Malaysia.

Berbicara tentang nilai dan budi pekerti, pastinya hal tersebut berkait rapat dengan prinsip kelima dalam Rukun Negara. Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan tersebut sememangnya memberi kesan yang menakjubkan sekiranya rakyat benar-benar memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan sebenar. Bayangkan sekiranya prinsip ini hanyalah sekadar lafaz di bibir dan bagai melukut di tepian gantang, suasana huru-hara dan kucar-kacir akan sentiasa berlaku saban hari. Adab dan budaya positif pula kian terhakis apabila prinsip ini tidak diperhalusi pelaksanaannya pada peringkat akar umbi lagi.

Kepesatan teknologi dan media sosial kini merancakkan lagi gejala tidak berakhlak terutamanya bagi golongan belia. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan belia kini merupakan pengguna tegar media sosial seperti



Semangat kekitaan dapat melahirkan budi pekerti yang luhur dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

Facebook, Instagram dan juga Twitter. Dahulunya berita yang mengaibkan dan kadangkala hanya fitnah dan spekulasi, tersebar dalam kalangan penduduk sekitar sahaja. Hanya individu yang mengenali mangsa yang diaibkan itu sahaja yang mengetahui akan khabar itu. Namun begitu, hal tersebut tidak lagi berlaku pada zaman serba canggih kini. Tersebarnya berita yang memalukan seseorang, aibnya bukan menular pada lingkungan terdekat sahaja, malah menjadi tontonan dan bahan ketawa seluruh dunia.

Pada ketika itu, bermulalah jaguh siber yang tidak langsung mengenali latar belakang si mangsa, meninggalkan komen yang berunsur kecaman dan ugutan dalam media sosial. Oleh sebab itu, hal inilah antara kerancuan atau kelompangan nilai kesopanan dan kesusilaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Di manakah letaknya nilai dan adab "menjaga air muka" yang sudah berkurun dididik oleh orang tua kita? Malah, dalam semua agama juga menitikberatkan isu yang melibatkan etika ini. Kesannya, bukan sahaja menampakkan sikap sebenar rakyat di negara ini, malah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mental dan emosi si mangsa. Bertambah parah lagi, kira-kira satu pertiga penduduk di negara ini mengalami penyakit kemurungan seumur hidup berdasarkan statistik Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan



Amalan bantu-membantu dapat meringankan kesusahan orang lain.

(NHMS) yang dijalankan pada tahun 2015. Dijangkakan bahawa angka ini akan meningkat lebih-lebih lagi dalam dunia tanpa sempadan kini. Sedarkah kita bahawa penyakit kemurungan ini boleh membawa maut? Angkara rendahnya nilai budi pekerti seseorang itu, nyawa yang lain seperti tidak berharga diperlakukannya.

Dalam hal ini, bertanyalah pada diri masing-masing; bagaimanakah semangat patriotisme hendak dimantapkan sekiranya prinsip kesopanan dan kesusilaan masih lagi berada dalam tahap yang mengecewakan? Penyelesaiannya masih sama, iaitu membaiki dan mengukuhkan


kandungan nilai murni dan amalan yang luhur bermula pada peringkat yang paling asas. Anak-anak di bawah pengawasan ibu dan bapa seharusnya diberi penekanan daripada aspek nilai dan budi pekerti agar mereka mampu memahami akan peri pentingnya amalan tersebut dalam kehidupan. Malah pada peringkat sekolah pula, asuhan yang lengkap dan teratur dalam aspek kebersihan, gotong-royong, asuhan budi dan saling menghormati adalah antara amalan yang mesti dijitukan lantas menjadi latihan wajib untuk diterapkan dalam semua aspek kehidupan.

Hari ini, kita sibuk membawa pelajar sekolah rendah mahupun menengah ke



Pengukuhan nilai murni dalam kalangan masyarakat seharusnya bermula pada peringkat sekolah.





Penyebaran berita palsu dan komen yang berbau kecaman di media sosial bercanggahan dengan prinsip kesopanan dan kesusilaan.

arah meningkatkan tahap pembelajaran. Misalnya, pelajar sekolah rendah sudah mempelajari topik yang diajarkan pada peringkat sekolah menengah. Tidak dinafikan bahawa pendedahan tersebut sangat membantu dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan negara, namun sahsiah diri yang berlandaskan prinsip kesopanan dan kesusilaan seakan-akan kian terpinggir. Lihat sahaja keadaan terbiar dan tidak selesa pada sesetengah bangunan awam seperti

tandas dan sekolah. Malah, tempat beribadah seperti masjid pun telah menampakkan tingkat kesopanan dan kesusilaan warga Malaysia yang masih rendah. Sekiranya penerapan dan penekanan ini dijadikan rutin, pastinya Malaysia mampu melahirkan generasi yang seimbang dari segi pendidikan dan sahsiah peribadi. Hal tersebut kelihatan mudah dan remeh untuk diperdebatkan, namun bermula daripada hal sekecil inilah yang akan meneguhkan hal-hal yang besar serta mendatangkan keuntungan buat negara.

Menggembleng dan mengamalkan semula hidup berbudaya tinggi, mesra alam serta bertatasusila tidak seharusnya dipandang enteng. Malangnya, masyarakat kita sudah melupakan sebahagian daripada cara hidup yang berpaksikan budaya Malaysia yang santun, malah merasakan budaya tersebut sudah terpesong dan tidak relevan diamalkan pada masa ini. Dari segi berpakaian, kebijaksanaan falsafah Melayu, seni bina, dan sebagainya dirasakan terlalu kolot untuk diamalkan berikutan cara hidup Barat yang lebih moden dan dekat dengan jiwa generasi kini. Oleh itu, perlunya penggubalan semula dasar pendidikan yang tertumpu pada keperibadian yang luhur dan

diterjemahkan melalui sikap dan amalan warganegara.

Secara tuntasnya, cara hidup berhemah dan bermoral tinggi dapat membantu meningkatkan patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Sambutan kemerdekaan yang gah dan penuh warna-warni hanyalah suatu pembaziran sekiranya sampah sarap tetap bertaburan sejurus tamatnya sambutan tersebut. Budaya kecam-mengecam juga turut merencatkan pembangunan modal insan warganegara walaupun pelbagai kempen dilaksanakan. Pembentukan jiwa dan jati diri, serta pembinaan sahsiah dilihat masih tidak berkesan, seakan-akan hilang ditiup sang bayu walaupun bayu tersebut tidaklah sederas mana lontarannya. Walaupun beberapa kali wujudnya dasar perubahan atau transformasi, sikap cinta akan tanah air, kesantunan kepada khalayak serta perpaduan masih menjadi isu yang sukar diselesaikan atas sebab pendidikan nilai-nilai murni sendiri yang tidak diperkemas. Jangan sampai sudah terantuk, baru tengadah, apabila tergadainya kedaulatan dan keharmonian tanah air yang kita sanjung ini. ds

